



Oleh Nurzuliana Kamaruzaman



Leftenan Muda Adnan semasa menganggotai Batalion Pertama Askar Melayu.

LEFTENAN ADNAN

Leftenan Adnan Saidi dilahirkan pada tahun 1915 di Kampung Sungai Ramal, Kajang, Selangor. Beliau merupakan anak sulung daripada lima orang adik-beradik. Mendapat pendidikan awal dari sekolah aliran Inggeris di Kampung Sungai Ramal, beliau telah lulus darjah lima pada usia 12 tahun. Beliau merupakan seorang pelajar yang rajin dan berjaya dalam pengajiannya. Beliau telah dipilih untuk menjadi guru pelatih dan mengajar di Sekolah Kampung Sungai Ramal selama setahun.

Kemudian, beliau telah meletak jawatan dan melanjutkan pengajiannya selama dua tahun ke sekolah agama yang terletak di Jenderam, Selangor. Ketika usia remajanya, beliau sangat rajin bekerja dan membantu meningkatkan taraf hidup keluarganya. Beliau akan menoreh getah pada sebelah pagi dan menjaga rumah asap pada sebelah tengah hari. Manakala pada waktu petang pula beliau akan belajar ilmu seni mempertahankan diri seperti Pencak Silat dan Silat Terelak. Beliau merupakan jaguh dalam permainan Silat Terelak. Beliau juga gemar mengisri masa lapangnya pada waktu petang dengan bermain dabus dan bermain bola.

Pada tahun 1933, pada usia 18 tahun, Adnan bersama-sama rakan baiknya, Ismail bin Malim Emas, meninggalkan Kampung Sungai Ramal untuk menyertai pasukan Percobaan Askar Melayu di Port Dickson. Ternyata pengorbanannya meninggalkan kampung dan azamnya untuk berbakti kepada negara tidak sia-sia. Beliau telah berjaya diterima untuk menganggotai pasukan Percobaan Askar Melayu dengan nombor diri 90 dan diserap masuk ke dalam kumpulan (*Squad*) ketiga.

Sepanjang mengikuti latihan di Port Dickson, beliau pernah mencatatkan sejarahnya yang tersendiri apabila dipilih sebagai Rekrut Terbaik pada tahun 1934. Manakala pada tahun 1936, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Sarjan. Pada tahun 1937, beliau bersama-sama Leftenan Muda Ismail Tahir dan Leftenan Muda Ariffin dipilih mewakili askar Melayu dalam Perbarisan DiRaja di London, bersempena dengan Pertabalan King George VI. Sekembalinya dari England, beliau telah ditunangkan dan berkahwin dengan Safiah Pakeh Muda. Hasil perkahwinan tersebut, beliau dikurniai dua orang anak lelaki yang diberi nama, Mokhtar dan Zainuddin.

Perwatakan beliau yang tidak suka bercakap banyak dan sangat mengambil berat tentang soal agama melahirkan jati dirinya yang tinggi dan bermatlamat. Pada tahun 1938, Adnan dinaikkan pangkat kepada Sarjan Mejar dan mengikuti kursus latihan sebagai Kadet di Singapura selama enam bulan. Kemudian, beliau ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dan menerajui sebuah platon di C Kompeni, Batalion Pertama. Pada tahun 1939, Leftenan Adnan dihantar ke Singapura bersama-sama Batalion




Pertama untuk mengikuti latihan peperangan sehingga 8 Disember 1941. Jasa dan pengorbanan Leftenan Adnan Saidi menjadi ingatan dan disanjung tinggi apabila beliau sendiri sanggup menggadaikan nyawanya demi mempertahankan kedaulatan negara ketika bertempur dalam Perang Dunia Kedua di Bukit Chandu.

Kemudian, Jepun mula menyerang Singapura pada Februari 1942. Ketika itu, pasukan Leftenan Adnan "C" Company bertugas mempertahankan Pasir Gudang berhampiran dengan pinggir laut. Pertempuran sengit berlangsung apabila tentera Jepun berjaya mendarat di Tanjung Penjuru pada malam 8 Februari 1942. Pasukan "C" Company di bawah pimpinan Leftenan Adnan diperintahkan untuk bertahan di Permatang Pasir Panjang.

Pada 13 dan 14 Februari 1942, satu pertempuran hebat antara askar Melayu dengan Jepun, mengakibatkan sebahagian besar tentera Jepun berjaya diusir oleh askar Melayu. Menjelang tengah malam pula, askar Melayu daripada "C" Company ini telah diarahkan berundur ke tempat pertahanan di sebelah timur Permatang Pasir Panjang di Bukit Chandu berdekatan dengan Kilang

Chandu Kerajaan. Di Bukit Chandu, persekitarannya tidak menjamin askar untuk berlindung. Keadaan ini menyebabkan Leftenan Adnan segera mengambil posisi bertahan berdekatan dengan sebatang pokok ceri yang rendah sambil memegang teropong untuk melihat gerak-geri musuh. Beliau memberikan arahan supaya askar di bawah jagaannya tidak menembak musuh sehingga mendapat arahan daripadanya. Katanya, "Bertahanlah dengan berani dan ingat kepada Tuhan Yang Maha Kuasa".

Saat genting dan cemas mula menyelubungi askar Melayu apabila tentera Jepun menyerang Bukit Chandu menggunakan helah dengan berlakon memakai pakaian Askar Punjab. Tentera Jepun kononnya telah mara dalam kelompok yang ramai serta berpura-pura sebagai pasukan Askar Punjab yang menyebelahi Askar Melayu. Namun begitu, taktik kotor ini berjaya dihidu oleh Leftenan Adnan, lantas dengan sendirinya beliau menembak tentera Jepun menggunakan mesingan. Akibatnya, tentera Jepun mengalami luka parah dan lebih daripada 20 orang tercedera. Selepas beberapa jam kemudian,



Koperal Yaakub Bidin, saksi peristiwa berdarah yang mengorbankan Leftenan Adnan.

tentera Jepun sekali lagi menyerang. Kali ini jumlah bilangan tentera Jepun melebihi Askar Melayu. Pertempuran dahsyat merupakan pertempuran terakhir Leftenan Adnan bergelar seorang perajurit.

Kesemua tenaga dan alat peperangan termasuklah granet, bayonet dan *Lewis Gun* digunakan dalam peperangan ini. Malangnya, setelah beberapa hari berlanjutan peperangan, Leftenan Adnan cedera parah, namun beliau enggan berundur. Beliau menyuruh barisan askar negara terus bertahan dan



Tentera Jepun di Tanah Melayu.



Kereta kebal Jepun yang ditembak oleh kereta kebal Australia.

berjuang habis-habisan. Keberanian Leftenan Adnan telah menaikkan semangat askar lain untuk terus berjuang.

Akhirnya, Leftenan Adnan menghembuskan nafas terakhirnya di medan pertempuran setelah tentera Jepun berjaya menawan kubu pertahanan negara. Mayat Leftenan Adnan dibiarkan tergantung di sebatang pokok ceri hingga keesokan harinya. Koperal Yaakub Bidin yang berpura-pura mati telah menyaksikan perbuatan kejam tentera Jepun itu. Tentera Jepun dikatakan telah menyiksa Leftenan Adnan sehingga tidak kedengaran jeritan kesakitan semasa tikaman bertubi-tubi ke atas badannya yang tergantung di dalam guni.

Perjuangan dan pengorbanan Leftenan Adnan bersama-sama anggota perajurit batalion pertama di bawah "C" Company merupakan satu daripada peristiwa bersejarah yang harus dikenang oleh semua lapisan masyarakat. Kemerdekaan yang kita kecapi pada hari ini merupakan hasil tumpahnya darah pejuang negara yang gagah serta sanggup bermati-matian demi melihat tanah airnya meraih keamanan dan kemerdekaan. Generasi pada hari ini merupakan cerminan masa hadapan sesebuah bangsa, agama dan negara. Semoga pengorbanan dan tumpahnya darah pejuang negara yang terdahulu dalam mencapai kemerdekaan tidak disia-siakan. Semoga perjuangan ini juga mampu memberikan semangat dan kesungguhan kepada pemuda pada hari ini untuk terus mengorak langkah mencorakkan tanah air dengan sebaik-baiknya. ^{es}



Ketibaan tentera British yang dipertanggungjawabkan untuk mempertahankan Tanah Melayu daripada jatuh ke dalam cengkaman tentera Jepun.



Anggota Batalion Pertama sedang turun dari helikopter di dalam hutan.